

Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Keterangan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai pelan takaful prubatan dan kesihatan **Cancer Plan** anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**

PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD

Date: 15 November 2025

PDS ini menunjukkan **contoh** untuk seorang lelaki sihat berumur 30 tahun (umur pada hari lahir akan datang) dan tidak merokok dengan Jumlah Asas Dilindungi sebanyak RM100,000. Sila rujuk kepada **Kod QR** untuk contoh sumbangan.

1 Apakah Cancer Plan?

Cancer Plan adalah pelan takaful keluarga bertempoh yang boleh diperbaharui setiap tahun yang memberi perlindungan terhadap kanser sehingga berumur 70 tahun pada hari lahir yang akan datang, tertakluk kepada pembaharuan. Apabila didiagnosis dengan kanser, Manfaat Kanser akan dibayar dari Dana *Tabarru'*. Tiada amaun akan dibayar apabila peserta meninggal dunia.

Konsep Syariah yang berkenaan

- **Ta'awun:** Apabila anda menyumbang ke dalam Dana *Tabarru'* untuk manfaat kewangan bersama apabila berlaku peristiwa yang telah dipersetujui.
- **Wakalah bi al-ujrah:** Apabila anda melantik PruBSN untuk mengurus dan melaburkan dana tersebut dengan bayaran, serta yuran prestasi daripada lebihan yang boleh diagihkan daripada Dana *Tabarru'*.

Nota: Penerangan produk di atas adalah **tidak lengkap**. Sila rujuk kepada Dokumen Sijil untuk maklumat lanjut.

2 Ketahui Perlindungan / Manfaat-manfaat anda?

Sebagai ilustrasi, untuk **RM202** bagi tahun sijil pertama, dengan **Jumlah Asas Dilindungi (BSC)** sebanyak **RM 100,000**, anda akan menerima **manfaat perlindungan** takaful perubatan dan kesihatan berikut:

Manfaat Kanser	Jumlah Dilindungi
Kanser Tiroid (dibayar sekali sahaja)	10% daripada BSC, RM 100,000
Kanser lain-lain	Sehingga BSC, RM 100,000

Definisi

Kanser bermaksud sebarang tumor malignan yang didiagnosis positif dengan pengesahan histologi dan bercirikan pertumbuhan sel malignan yang tidak terkawal dan serangan tisu. Terma tumor malignan termasuk leukemia, limfoma dan sarcoma.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

(a) Semua kanser yang diklasifikasikan secara histologi sebagai salah satu dari berikut:

- pra-malignan
- bukan invasif
- karsinoma in situ
- mempunyai malignan pinggir
- mempunyai potensi malignan; atau

(b) Semua tumor prostat yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM); atau

(c) Semua tumor tiroid yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM); atau

(d) Semua tumor pundi kencing yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM); atau

(e) Leukemia Limfositik Kronik kurang daripada RAI Tahap 3; atau

(f) Semua kanser dengan kewujudan HIV; atau

(g) Sebarang kanser kulit selain daripada malignan melanoma.

Kanser Tiroid bermaksud sebarang tumor malignan di kelenjar tiroid yang didiagnosis positif dengan pengesahan histologi dan bercirikan pertumbuhan sel malignan yang tidak terkawal dan pencerobohan tisu. Untuk definisi di atas, semua tumor tiroid secara histologi yang dikelaskan sebagai T1N0M0 (pengelasan TNM) adalah tidak dilindungi.

Nota:

- Amaun berbayar semasa tuntutan ialah 100% daripada Jumlah Dilindungi secara sekaligus ditolak sebarang amaun tertunggak kepada PruBSN.
- Manfaat Kanser akan dikurangkan apabila tuntutan dibayar untuk Kanser Tiroid.
- **Tempoh Perlindungan:** Boleh diperbaharui setiap tahun sehingga umur tujuh puluh (70) tahun Ahli yang Dilindungi.
- Keterangan perlindungan dan manfaat di atas adalah **tidak lengkap**. Sila rujuk kepada Dokumen Sijil untuk maklumat lanjut.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan produk takaful perubatan dan kesihatan anda, anda boleh:



Hubungi
PruBSN di:
03 2775 7188



Emel PruBSN di:
customer@prubsn.com.my



Lawati* PruBSN at:
[Cancer Plan |](#)
[Prudential BSN Takaful](#)



Imbas* kod QR untuk
Jadual Contoh
Sumbangan Cancer
Plan

*Yakinlah bahawa tiada data peribadi anda yang akan dikumpul apabila anda mengklik pada pautan / kod QR

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential BSN Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Takaful perubatan dan kesihatan anda **mengecualikan**, sekiranya:

- (a) Simptom Kanser muncul dalam tempoh enam puluh (60) hari dari Tarikh Permulaan; atau
- (b) Kanser disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kewujudan Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau kewujudan sebarang jangkitan Human Immunodeficiency Virus (HIV); atau
- (c) Kanser disebabkan oleh sebarang keadaan sedia ada yang tidak didedahkan kepada Kami. Pengecualian ini akan digunakan selama 12 bulan dari tarikh permulaan. Sebarang keadaan sedia ada yang tidak didedahkan kepada Kami selepas tempoh 12 bulan tersebut akan diambil tindakan sewajarnya mengikut Jadual 9 bagi Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Nota: Senarai pengecualian di atas adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada Dokumen Sijil untuk maklumat lanjut.

3 Ketahui Kewajipan anda?

Untuk sijil takaful perubatan dan kesihatan ini, anda perlu membayar sumbangan takaful sebanyak:

Jumlah Sumbangan Takaful RM 202.00 untuk tahun pertama sijil Tempoh: sehingga 70 tahun pada hari lahir akan datang

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut (untuk keseluruhan tempoh pembayaran sumbangan):

Jumlah Caj Wakalah Pendahuluan, termasuk: RM 14,795.50 atau 50% dari Jumlah Sumbangan RM 29,591.00

- Komisen *Tiada komisen dibayar untuk sijil perubatan dan kesihatan ini.*
- Perbelanjaan Pengurusan RM 14,795.50 (termasuk Duti Setem RM10) atau 50% dari Jumlah Sumbangan RM 29,591.00

Nota:

- Jumlah sumbangan yang perlu Anda bayar dan terma-terma sijil mungkin berbeza bergantung kepada keperluan pengunderaitan.
- Sumbangan untuk pelan ini berbeza mengikut umur Orang Yang Dilindungi pada setiap tarikh ulang tahun sijil dan akan dibayar sepanjang tempoh sijil sehingga umur Orang Yang Dilindungi 69 tahun pada hari lahir akan datang. Sila rujuk kepada kod QR untuk contoh sumbangan
- Adalah penting untuk Anda menyimpan Penyata Kad Kredit, Kad Debit atau Penyata Bank yang diterima sebagai bukti pembayaran sumbangan untuk rujukan pada masa akan datang.
- **Jumlah Caj Wakalah Pendahuluan** adalah termasuk dalam Jumlah Sumbangan Takaful yang dinyatakan di atas. Ia merangkumi Perbelanjaan Pengurusan PruBSN.
- Sumbangan, yuran dan caj yang dinyatakan di atas adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk Dokumen Sijil untuk maklumat lanjut.

4 Terma-terma Utama Lain

- **Kepentingan Pendedahan:** Ahli yang Dilindungi mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan dan mesti menyatakan umur Ahli yang Dilindungi dengan betul apabila menjawab sebarang soalan daripada PruBSN. Jika sijil tersebut adalah sepenuhnya untuk tujuan peribadi, Ahli yang Dilindungi mempunyai kewajipan untuk mendedahkan semua maklumat yang relevan dan tidak mengelirukan PruBSN. Kewajipan untuk membuat pendedahan akan sentiasa berterusan dan akan memerlukan Ahli yang Dilindungi untuk memaklumkan kepada PruBSN tentang sebarang perubahan ke atas maklumat yang telah didedahkan atau sebarang maklumat baru yang relevan dengan sijil.
- **Tempoh Tangguh:** Pemegang Sijil mempunyai tiga puluh (30) hari tempoh tangguh dari setiap tarikh sumbangan patut dibayar untuk membayar sumbangan sijil ini. Sekiranya Pemegang Sijil gagal membayar sumbangan dalam tempoh tangguh, sijil akan luput selepas tamat tempoh tangguh. Tiada pembaharuan dibenarkan setelah sijil luput.
- **Sijil luput:** Sekiranya Anda gagal membayar sumbangan dalam masa 30 hari dari tarikh sumbangan perlu dibayar, sijil anda akan tamat dan tidak lagi berkuatkuasa. Penguatkuasaan semula adalah tidak dibenarkan untuk sijil yang telah luput.
- **Pembaharuan:** Sijil ini akan diperbaharui pada setiap ulang tahun sijil selagi sumbangan dibayar oleh Anda mengikut kadar sumbangan semasa yang dikira berdasarkan umur pada hari lahir yang akan datang pada ulang tahun sijil dan tertakluk kepada syarat penarikan balik portfolio.
- **Sumbangan dan Tabarru' tidak Dijamin:** Sumbangan dan penolakan Tabarru' bagi pelan ini adalah tidak dijamin. Kami akan memberikan notis bertulis 30 hari sebelum sumbangan dan/atau penolakan Tabarru' yang disemak berkuat kuasa pada ulang tahun sijil yang berikutnya.
- **Tempoh menunggu:** Kelayakan untuk manfaat-manfaat di bawah sijil ini hanya akan bermula 60 hari selepas tarikh berkuat kuasa sijil.

Manfaat	Keadaan	Tempoh Menunggu
Manfaat Kanser	Semua jenis kanser	60 hari

Sila ambil perhatian bahawa jika Anda menukar pelan semasa Anda dengan yang lain atau dari satu pengendali kepada yang lain, Anda mungkin tertakluk kepada pengunderaitan baharu dan tempoh menunggu untuk pelan baharu.

- **Syarat Penarikan Balik Portfolio:** Bagi melindungi atau mendahulukan kepentingan Anda dan pelanggan Kami yang lain dengan adil, Kami mungkin akan membatalkan portfolio secara keseluruhan jika Kami membuat keputusan untuk tidak meneruskan pengunderitan pelan ini. Dengan berbuat demikian, Kami akan berhenti memperbaharui sebarang Sijil yang perlu diperbaharui pada Ulang Tahun Sijil dan berhenti menerima apa-apa Sijil baru. Kami akan memaklumkan kepada Anda tentang keputusan Kami dengan memberikan notis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari kepada Anda. Sijil Anda akan terus berkuatkuasa sehingga Ulang Tahun Sijil selepas notis tersebut.

Nota: Keterangan terma utama di atas adalah **tidak lengkap**. Sila rujuk kepada Dokumen Sijil untuk maklumat lanjut

? Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberikan notis bertulis kepada PruBSN.

- **Tempoh Rujukan Percuma:** Anda boleh membatalkan perlindungan takaful dengan memaklumkan terus kepada PruBSN dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh permulaan. PruBSN akan memulangkan semula sumbangan yang telah dibayar bagi perlindungan takaful kepada anda.
- **Notis Bertulis:** Anda boleh membuat pembatalan perlindungan takaful selepas Tempoh Rujukan Percuma dengan memberikan notis bertulis. Tiada amaun serahan yang akan dibayar, dan sumbangan yang telah dibayar tidak akan dikembalikan. Sebaliknya, kami akan terus memberikan perlindungan kepada anda sehingga ulang tahun sijil selepas pemberitahuan anda.

Nota: Keterangan produk di atas adalah **tidak lengkap**. Sila rujuk kepada Dokumen Sijil untuk maklumat lanjut.

Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN") adalah pengendali takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan di kawal selia oleh Bank Negara Malaysia (BNM).